



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka.

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj Kami : ANM(T)MEL/03/68 Jld.3 (43)  
Tarikh : 23 Disember 2020  
Bersamaan : 08 Jamadilawal 1442H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Pembayar  
Negeri Melaka**

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PROSEDUR PEMBAYARAN CARUMAN KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengumumkan bahawa kadar caruman berkanun syer pekerja akan dikurangkan daripada 11 peratus kepada 9 peratus bagi tahun 2021.

3. Untuk makluman, kadar baharu ini akan berkuatkuasa bagi tempoh satu tahun dan merangkumi upah pekerja bulan Januari 2021 (caruman Februari 2021) sehingga upah pekerja bulan Disember 2021 (caruman Januari 2022).

4. Sehubungan itu, pegawai yang memilih untuk mengekalkan caruman syer pekerja pada kadar 11 peratus perlu melengkapkan Borang KWSP 17A (Khas 2021), yang boleh dimuat turun daripada laman web KWSP ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)) mulai 1 Disember 2020. Borang tersebut hendaklah dikemukakan kepada majikan masing-masing untuk didaftarkan secara dalam talian melalui kemudahan i-Akaun (Majikan) mulai 14 Disember 2020. Mohon PTJ mengambil tindakan seperti di **Lampiran A** bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M) CPA(Aust))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

**1. Kadar 11%**

a) Melengkapkan langkah berikut :

**(Tukar Muat Turun Borang KWSP 17A(Khas 2021)**

b) Membuat tindakan perubahan di PA30 seperti langkah berikut:

**PA30 -- No.Gaji -- Statutory Data -- Employees Provident Fund -- Personal Rate -- Enter -- Masukkan 11%**

Start:	<b>01.01.2021</b>	31.12.9999
<b>Employee Information</b>		
EPF Number	12345678	<input checked="" type="checkbox"/> Contributing to EPF
<b>Contribution</b>		
Evaluation Date	23.03.2020	<input type="checkbox"/> Self Contributor
<b>Employee</b>		<b>Employer</b>
<input type="radio"/> Statutory rate <input type="radio"/> Company rate <input checked="" type="radio"/> Personal rate Percentage: 11.00 Amount:		<input checked="" type="radio"/> Statutory rate <input type="radio"/> Company rate <input type="radio"/> Personal rate Percentage: 13.00 Amount:

c) Mengisi di ruangan No.21 pada Borang Perubahan Gaji (KEW.320 - Pin. 1/2019) seperti berikut :

Caruman Berkanun			
KWSP (Employees Provident Fund)		SOCSO (Employees' Social Security)	
21. Peratus Caruman (Employee Percentage)	<b>11%</b>	22. Peratus Caruman Sepatuh (Employee Percent)	23. Mencarum PERKESO (SOCSO)
			Sila Pilih (Klik di sini)

**2. Kadar 9%**

PTJ tidak perlu mengambil tindakan kerana kadar tersebut akan secara auto kepada 9% di Sistem HCM mulai 01.01.2021.

- Bagi pegawai yang memilih kadar 11% pada tahun 2020 (Bagi tempoh caruman April 2020 hingga Disember 2020) dan akan meneruskan kadar 11% pada tahun 2021, sistem akan auto pada kadar 11% seperti di Rajah 1.